

26 Februari 2009 (Khamis)

Hakisan pantai jejas penduduk

Oleh IRMAN HASHIM



ORANG ramai setia menunggu nelayan untuk membeli ikan segar di pantai Tok Jembal yang mengalami hakisan.

KUALA TERENGGANU 26 Feb. - Keindahan pantai yang terdapat di negeri ini sememangnya tidak perlu dipertikai lagi lebih-lebih lagi melihat kepada pasirnya yang putih bersih. Justeru, kecantikan pantai itu harus dikekalkan dan dipertahankan dengan penjagaan melalui kaedah pemuliharaan oleh segenap lapisan masyarakat. Bagaimanapun, sebaliknya berlaku di kawasan pantai berdekatan Kampung Tok Jembal di sini.

Tinjauan *Utusan Malaysia* mendapati berlaku hakisan teruk sepanjang pantai berkenaan sepanjang kira-kira 300 meter. Pokok rhu dan kelapa sawit juga dapat dilihat tumbang selain condong dan hampir menyembah bumi.

Seorang penduduk Kampung Tok Jembal, **Othman Hassan**, 53, ketika ditemui berkata, hakisan pantai berkenaan bermula sejak Disember lalu. "Kira-kira 50 meter pantai terhakis sepanjang 300 meter pantai ini. Keadaan ini berlaku kerana ombak kuat ketika musim tengkujuh. "Keadaan bertambah buruk ekoran penambakan berdekatan Lapangan Terbang Sultan Mahmud yang menyebabkan ombak bertambah kuat di kawasan ini," katanya.

Beliau yang bekerja kampung berkata, jika tiupan angin semakin kuat, pantai itu mungkin lebih cepat dihakis. Menurutnya, kira-kira 30 buah pokok termasuk pokok rhu dan kelapa yang ditanam di sepanjang pantai itu tumbang sejak kejadian berkenaan.

Rakannya, **Omar Taib**, 80, berkata, hakisan tersebut jika tidak dibendung daripada berterusan mungkin akan mengganggu kehidupan penduduk kampung tersebut yang majoritinya merupakan nelayan. "Kira-kira 50 buah bot nelayan menggunakan pantai itu untuk mendaratkan hasil tangkapan mereka.

"Jika hakisan pantai berkenaan menjadi lebih buruk, kami akan mengalami kesukaran untuk menjalankan aktiviti pendaratan hasil tangkapan," katanya.

Beliau berkata, sebelum ini pendaratan hasil tangkapan dilakukan kira-kira 100 meter dari pantai Tok Jembal. "Bagaimanapun, kami mula mendaratkan bot di sini selepas projek pembinaan lapangan terbang dan penambakan pantai dijalankan di sana," ujarinya.

Warga emas yang turut menjual hasil tangkapan di pantai tersebut menambah, mereka tidak tahu di mana lagi akan menjalankan kegiatan harian seperti menangkap ikan setelah mengalami hakisan kuat di pantai berkenaan.

Dalam pada itu, seorang lagi penduduk kampung, **Salwadi Sulaiman**, 18, meminta pihak berkaitan membantu menyelesaikan masalah itu. "Keindahan pantai di sini juga akan terjejas jika masalah itu tidak diberi perhatian secepat mungkin. "Pantai ini juga sering didatangi oleh orang ramai bersama keluarga masing-masing untuk beriadah," katanya.

27 Februari 2009 (Jumaat)

Pampasan RM287j

Oleh MUZDALIFAH MUSTAPHA dan MUHAMMAD DAYNE AZMIN pengarang@utusan.com.my



Ir. Mohd. Zin Mohamed menunjukkan kenyataan media yang menangguhkan kenaikan kadar tol di lima lebuh raya utama selepas sidang media di Kuala Lumpur, semalam.

KUALA LUMPUR 27 Feb. - Kerajaan akan membayar pampasan berjumlah RM287 juta kepada lima syarikat konsesi lebuh raya berikutan kerajaan hari ini menangguhkan kenaikan kadar tol yang diumumkan semalam. Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Ir. Mohd. Zin Mohamed berkata, keputusan itu dibuat dalam mesyuarat Kabinet pagi tadi selepas mengambil kira reaksi rakyat yang tidak bersetuju apabila kenaikan kadar tol diumumkan.

Beliau menjelaskan, wang pampasan tersebut perlu dibuat ekoran pihak kerajaan dan pemegang konsesi lebuh raya itu menandatangani perjanjian konsesi bagi kenaikan kadar tol dari 1 Januari lalu hingga hujung tahun ini. Menurutnya, daripada jumlah itu Projek Lebuh Raya Utara-Selatan (PLUS) akan menerima RM195 juta, Lebuh Raya Sistem Penyuraian Trafik KL Barat

(Sprint) (RM36 juta), Lebu Raya Bertingkat Ampang-Kuala Lumpur (AKLEH) (RM27 juta), Lebu Raya Sungai Besi (Besraya) (RM9 juta) dan Lebu Raya Baru Pantai (NPE)(RM20 juta).

"Wang pampasan ini merupakan sebahagian daripada wang rakyat yang sebenarnya bertujuan melaksanakan pembangunan yang dapat memberi faedah kepada rakyat," katanya kepada pemberita di Kementerian Kerja Raya di sini hari ini. Semalam, Mohd. Zin mengumumkan kenaikan kadar tol di lima lebu raya di antara 0.68 sen hingga 50 sen berkuat kuasa 1 Mac ini selaras dengan terma perjanjian konsesi yang telah ditandatangani antara pihak kerajaan dan pemegang konsesi lebu raya tersebut. Bagaimanapun, Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam mahu keputusan menaikkan kadar tol di lima lebu raya dikaji semula kerana sekarang bukanlah masa yang sesuai untuk berbuat demikian.

Dalam perkembangan lain, Mohd. Zin ditanya mengenai penyelesaian aliran trafik di lebu raya akibat wujudnya tol berkata, ia harus dibincangkan dengan syarikat pengangkutan awam. Menurutnya, kementerian hanya bertanggungjawab dalam urusan infrastruktur jalan raya dan jambatan. "Kita boleh selesaikan isu ini jika syarikat pengangkutan awam lebih efisien dengan memperbanyakkan lagi stesen mengambil penumpang dalam usaha mengurangkan penggunaan kenderaan persendirian," katanya.

Beliau memberitahu, isu aliran trafik di lebu raya sukar ditangani kerana di sekitar Lembah Klang saja terdapat 3.5 juta kenderaan sehari.

28 Februari 2009 (Sabtu)

Terengganu sedia RM50j tanam padi tanah terbiar

KUALA TERENGGANU 28 Feb. — Kerajaan Terengganu menyediakan peruntukan sebanyak RM50 juta bagi membangunkan tanah-tanah terbiar di seluruh negeri dengan tanaman padi bagi memenuhi keperluan tempatan tahun ini, kata Menteri Besar Datuk Ahmad Said.

"Kita akan usahakan tanah-tanah terbiar ini bagi mendatangkan hasil untuk negeri dan rakyat Terengganu," katanya ketika ditemui pada majlis hari keluarga dan penyampaian hadiah Kelab Wisma Darul Iman di Pusat Dagangan Terengganu (TTC) di sini hari ini. Bagi melaksanakan program berkenaan, beliau berkata kerajaan negeri akan membangunkan kawasan seluas 1,500 hektar di seluruh negeri dengan tanaman padi.

Ahmad berkata kerja-kerja membersih kawasan terbabit sedang dijalankan oleh kontraktor dan dijangka diserahkan kepada peserta program berkenaan tidak lama lagi. "Kita sedang menunggu Jabatan Pengairan dan Saliran membuat penilaian daripada segi kerja pembersihan dan jumlah kos sebenar kerja-kerja tersebut," katanya.

28 Februari 2009 (Sabtu)

Malaysia tidak perlu lagi universiti baru

KUANTAN 28 Feb — Datuk Seri Najib Tun Razak berkata kerajaan tidak berhasrat menubuhkan universiti baru tetapi sebaliknya ingin menumpukan usaha ke arah meningkatkan keupayaan universiti yang sedia ada di negara ini. Timbalan Perdana Menteri berkata kini apa yang penting adalah meningkatkan tahap pembangunan fizikal dan intelektual universiti tempatan ke peringkat optimum.

“Kita kena menstabilkan keadaan universiti yang sedia ada supaya ia mencapai peringkat optimum,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Perhimpunan Warga Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan Karnival Pengajian Tinggi Negara Zon Timur, di sini, hari ini. Turut hadir Menteri Besar Pahang Datuk Seri Adnan Yaakob, Menteri Pengajian Tinggi Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin. “Terdapat 20 buah universiti awam dan 21 universiti swasta, dah cukup bilangan universiti, tiap-tiap negeri dah ada universiti,” kata Najib.

Najib berkata Kementerian Pengajian Tinggi juga telah menetapkan bahawa universiti di negara ini mestilah mempunyai 70 peratus tenaga pengajar berkelulusan doktor falsafah (Phd). “Pembangunan intelektual ini memakan masa dan ketika ini bukan semua universiti mencapai sasaran itu,” katanya.

Pada perkembangan yang sama, Najib berkata kerajaan juga bercadang menambahkan lagi autonomi kepada universiti terutamanya melibatkan hal berkaitan penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan kokurikulum pengajian, pelantikan, kuasa perbelanjaan dan sebagainya. “Kita dah beri kuasa kepada universiti (sebelum ini) untuk membuat keputusan sendiri di peringkat universiti, dan sekiranya langkah ini membawa manfaat sepenuhnya, maka kerajaan akan menambah kuasa kepada universiti pada masa akan datang,” jelasnya.

“Kita ingin melihat universiti ini menjadi cemerlang, maka universiti mesti perlu diberi kuasa atau ‘empowerment’ untuk membuat keputusan sendiri,” katanya.

Pada majlis itu, Najib turut menyaksikan upacara tandatangan Memorandum Persefahaman (MoU) antara UMP dan Pasdec Holdings Berhad serta Hicom Automative Manufacturers Sdn Bhd. MoU itu dimeterai bagi menjalin kerjasama dalam bidang penyelidikan dan perundingan, pembangunan modal insan dan pembangunan hartanah di kampus tetap UMP di Kuala Pahang, Pekan.

1 Mac 2009 (Ahad)

MPKj tubuh Jawatankuasa Audit Dalamannya

KAJANG 1 Mac - Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) akan menubuhkan Jawatankuasa Audit Dalam bagi memudahkan Ahli-ahli Majlis menyemak segala keputusan yang telah dibuat oleh pihak berkuasa tempatan itu. Yang Dipertua MPKJ, Datuk Hassan Nawawi Abdul Rahman berkata, penubuhan jawatankuasa tersebut adalah selaras dengan arahan kerajaan negeri yang mewajibkan semua pihak berkuasa tempatan (PBT) menubuhkan jawatankuasa tersebut.

"Jawatankuasa tersebut mula berkuat kuasa pada Mac ini dan akan dianggotai oleh lima orang ahli yang terdiri daripada Ahli-ahli Majlis. "Kesemua ahli jawatankuasa perlu menghadiri mesyuarat sebanyak tiga kali dan setiap mesyuarat mereka akan diberi elaun sebanyak RM100," katanya selepas mempengerusikan Mesyuarat Penuh Bulanan MPKj di Bangunan MPKj di sini. Tambah beliau, penubuhan jawatankuasa itu adalah pertama kali diperkenalkan dan diwajibkan kepada semua PBT di Selangor.

2 Mac 2009 (Isnin)

Jabatan Audit Negara siasat projek lewat

KUANTAN 2 Mac - Jabatan Audit Negara akan menjalankan siasatan dalaman bagi mengkaji kelewatan projek pembinaan pejabat jabatan itu di sini dan Ipoh, Perak yang gagal dimulakan mengikut jadual. Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang menegaskan, pihaknya menerusi unit teknikalnya akan meneliti dengan terperinci bagi mencari punca sebenar kelewatan dua projek terbabit.

"Di Ipoh, saya telah memberi amaran kepada Jabatan Kerja Raya (JKR) bahawa kita akan melakukan kajian terperinci terhadap punca projek bangunan itu lewat dimulakan. "Bagi kes di Kuantan, saya merasakan ada sesuatu yang tidak kena apabila projek bangunan kita gagal dimulakan sejak dua tahun lalu," katanya.

Beliau berucap ketika melancarkan projek pembinaan bangunan Jabatan Audit Negara cawangan Pahang di Indera Mahkota di sini hari ini. Ambrin berkata, kegagalan memulakan kedua-dua projek itu mengikut jadual tidak seharusnya berlaku kerana ia tidak membabitkan kos yang tinggi. Malah, jelas beliau, proses mendapatkan tanah sebelum itu juga tidak menghadapi sebarang masalah kerana ia diperolehi daripada kerajaan negeri. "Tapak tanah yang disediakan itu telah siap untuk dibangunkan kerana tidak memerlukan kerja-kerja penarahan bukit atau menambun sungai," tegasnya.

Bagaimanapun, tegasnya, pihaknya hairan bagaimana projek itu tertangguh selama dua tahun. Menurut beliau, kelewatan pelaksanaan projek terbabit mengikut jadual akan mengakibatkan

berlaku kenaikan kos. Sehubungan itu, beliau sendiri akan turun padang untuk melihat perjalanan pelaksanaan kedua-dua projek terbabit dari semasa ke semasa.

"Kita mahu kedua-dua projek pembinaan bangunan ini dapat disiapkan selewat-lewatnya hujung Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9). "Bagi projek di sini, kita menjangkakan dapat disiapkan pertengahan tahun depan manakala di Ipoh pada Jun ini," katanya.

Bercakap kepada pemberita selepas majlis itu, Ambrin memberitahu, selain Pahang dan Perak, Jabatan Audit Negara akan memiliki bangunan sendiri di Melaka, Negeri Sembilan, Selangor dan Kelantan dalam RMK-9. "Kita juga merancang untuk membina bangunan sendiri di Terengganu dalam RMK-10," katanya.

2 Mac 2009 (Isnin)

Tanjung Manis berubah wajah

Oleh MUHAMAD ZAID ADNAN zaid.adnan@utusan.com.my



Pengurus Besar Pusaka, Len Talif Salleh (dua dari kanan) memberi penerangan kepada Abdullah Ahmad Badawi mengenai pelan pembangunan Hab Halal Tanjung Manis sambil diperhatikan Ketua Menteri Sarawak, Abdul Taib Mahmud (dua kiri) pada majlis pelancarannya di Tanjung Manis, baru-baru ini. - UTUSAN / AMIR HAFIZ ABD. RAHMAN

TANJUNG MANIS 2 Mac - Dulu Tanjung Manis yang terletak di Kuala Batang Rajang lebih dikenali sebagai sebuah perkampungan nelayan kecil yang dipenuhi pokok nipah dan hutan bakau. Namun kini, Tanjung Manis yang majoriti penduduknya kaum Melanau dibangunkan sebagai sebuah bandar industri baru yang merangkumi bidang perikanan, perkayuan, hab halal dan perkapalan. Usaha kerajaan untuk membangunkan kawasan tersebut bermula setelah menjadikan Tanjung Manis sebagai kawasan industri hiliran perkayuan pada tahun 1984.

Komitmen itu berterusan setelah kerajaan melancarkan Koridor Pembaharuan Tenaga Sarawak (SCORE) tahun lalu. Ia merangkumi keluasan 70,708 kilometer persegi bermula dari Bintulu ke Tanjung Manis. Usaha kerajaan untuk menarik lebih ramai pelabur di Tanjung Manis diperkuatkan dengan membina lebih banyak infrastruktur asas termasuk lapangan terbang, pelabuhan, telekomunikasi, air dan elektrik. Malah, semasa pelancaran SCORE, kerajaan turut mengumumkan untuk membina sebatang jalan raya baru sepanjang 325 kilometer yang

menghubungkan kawasan Tanjung Manis hingga ke Samalaju di Bintulu bagi memacu perkembangan koridor tersebut.

Terbaru, pada 18 Februari lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi melancarkan Hab Halal Tanjung Manis (HHTM) yang dijangka bakal menarik pelaburan bernilai RM9 bilion. Hab halal yang terletak di dalam kawasan Koridor Pembaharuan Tenaga Sarawak (SCORE) itu merupakan pangkalan produk halal terbesar di Malaysia untuk meneroka pasaran industri halal dunia. Bagi penduduk sekitar Tanjung Manis, usaha kerajaan itu merupakan rahmat bagi mereka yang mendambakan pembangunan sekali gus mampu meningkatkan ekonomi rakyat. Menurut mereka, zon perindustrian yang dibuka itu akan membuka peluang pekerjaan dan memperkenalkan tempat mereka kepada masyarakat luar.

Bagi **Fredy Jumaat**, 22, pelancaran HHTM di Tanjung Manis akan membuka banyak peluang pekerjaan terutamanya kepada anak tempatan Sarawak. Menurutnya, ketika ini ramai anak jati dari negeri ini yang mencari rezeki di Semenanjung kerana berpendapat sukar untuk mencari peluang pekerjaan yang lumayan di negeri mereka sendiri. Katanya, peluang pekerjaan yang banyak itu akan membolehkan mereka berjasa kepada negeri sendiri. "Ia sekali gus akan membantu rakyat meningkatkan ekonomi," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini baru-baru ini.

Bagi **Aswadi Hanafi**, 20, HHTM merupakan salah satu projek yang mampu dibanggakan rakyat Sarawak kerana ia akan menjadi pangkalan produk halal terbesar di Malaysia bagi meneroka pasaran industri halal dunia. "Baguslah, selepas ini rakyat Malaysia dan dunia akan lebih mengenali kawasan ini antara kawasan termaju di negara ini," ujarnya.

Usop Pengkoh, 50-an berkata, HHTM dapat mengurangkan pergantungan kerajaan terhadap rakyat asing. Katanya, ia merupakan faedah yang baik terutamanya bagi rakyat Sarawak yang ketika ini kebanyakannya merantau di Semenanjung dan Singapura bagi mencari pekerjaan. "Adalah satu kerugian sekiranya rakyat negeri ini tidak memanfaatkan peluang yang diwujudkan kerajaan di Tanjung Manis ini," jelasnya.

Sementara itu, **Sa'anah Shuhaili** berkata, pembangunan kawasan Tanjung Manis secara tidak langsung akan membawa pelabur luar dan pelancong untuk datang ke situ. Usahawan tenun songket dari Belawai itu menjelaskan, kedatangan pelancong itu akan dapat membantu usahawan di Tanjung Manis untuk mempromosikan hasil buatan mereka kepada pelancong. "Malah, pembukaan kilang-kilang ini akan menarik lebih ramai tenaga kerja untuk berada di sini dan sekali gus membantu penduduk memperbaiki taraf ekonomi dan memasarkan produk mereka," jelasnya.

2 Mac 2009 (Isnin)

12 perjanjian jual beli program ladang kontrak



Yahya Hussin (tiga dari kanan) menyaksikan majlis pertukaran dokumen perjanjian antara Ibrahim Mahmood dengan peserta Ladang Kontrak di Kota Kinabalu, kelmarin.

KOTA KINABALU 2 Mac - Kerajaan negeri menyasarkan 12 perjanjian jual beli program ladang kontrak antara petani dengan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) di Sabah pada tahun ini. Menteri Pertanian dan Industri Makanan negeri, Datuk Yahya Hussin berkata, perjanjian yang melibatkan pembelian halia, lada, tembikai dan belimbing itu adalah untuk pasaran tempatan dan eksport. "Hasil tersebut ialah bagi pasaran tempatan yang turut meliputi Semenanjung manakala bagi pasaran eksport kita akan menumpukan ke negara Eropah. "Objektif perjanjian ini adalah untuk menjamin pasaran hasil pertanian keluaran negeri ini seterusnya menggalakkan penglibatan rakyat negeri ini dalam bidang pertanian," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis menandatangani perjanjian jual beli antara peserta ladang kontrak negeri dengan FAMA di sini semalam. Turut hadir, Pembantu Menteri Pertanian dan Industri Makanan negeri, Datuk Bobbey Suan, Setiausaha Tetap Kementerian Pertanian dan Industri Makanan negeri, Matius Sator dan Pengarah FAMA negeri, Ibrahim Mahmood.

Perjanjian antara 16 pekebun kecil yang menyertai program ladang kontrak dengan FAMA itu bernilai kira-kira RM1.5 juta. Menurutnya, perjanjian itu dapat mempertingkatkan pengeluaran hasil pertanian melalui perancangan pengeluaran mapan dan pemasaran bersistematik. Selain itu, katanya, perjanjian itu juga mampu meningkatkan lagi kualiti dalam penghasilan hasil-hasil pertanian. "Dengan cara amalan pertanian baik yang ditekankan kepada petani yang menyertai program ini, ia pasti dapat mempertingkatkan pemindahan teknologi seterusnya meningkatkan mutu hasil pertanian," katanya.

3 Mac 2009 (Selasa)

MRSM swasta ditubuh

Oleh AMRAN AHMAD pengarang@utusan.com.my

PETALING JAYA 3 Mac - Mulai tahun ini, Majlis Amanah Rakyat (Mara) akan menubuhkan Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) swasta sebagai tambahan kepada 42 maktab sedia ada di seluruh negara. Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Noh Omar berkata, penubuhan MRSM itu yang mendapat sokongan kewangan sektor swasta penting bagi menampung permohonan pelajar bumiputera yang semakin meningkat.

"Tahun lalu, Mara menerima lebih 40,000 permohonan daripada pelajar bumiputera tetapi sekadar mampu menyediakan tempat kepada 11,000 pelajar memandangkan bajet yang terhad. "Oleh itu, penubuhan MRSM swasta ini akan membantu meningkatkan bilangan pelajar bumiputera menuntut di maktab berkenaan dengan yuran pengajian yang masih dalam peringkat perbincangan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Konvensyen Pendidikan dan Latihan Mara 2009 yang menghimpunkan lebih 100 pegawai atasan Mara bersama beberapa tokoh pendidik dan pelatih profesional di sini hari ini. Turut hadir Pengerusi Mara, Datuk Seri Idris Jusoh dan Ketua Pengarah Mara, Datuk Nam Marthinin. Mengulas lanjut, kata Noh, buat masa ini, Mara sedang berbincang dengan Bank Rakyat yang memiliki lebih 800,000 ahli untuk membina MRSM swasta.

Tambahnya, institusi kewangan itu akan membina bangunan berharga RM80 juta di atas tanah seluas 20 hektar manakala Mara berperanan menyediakan tenaga pengajar selain program pembelajaran. Kata beliau, Mara berharap dapat bekerjasama dengan lebih banyak firma terutama syarikat milik kerajaan (GLC) dalam membangunkan MRSM swasta. "Ini kerana jenama MRSM semakin diyakini setelah berjaya melahirkan ribuan pelajar bertaraf dunia dan menjadi pemimpin pelbagai organisasi pada masa ini," ujarinya.

Pada majlis yang sama, Noh mengumumkan rancangan Mara membeli kursi pengajian di 10 universiti terbaik dunia antaranya Universiti Harvard di Amerika Syarikat, Universiti Oxford dan Universiti Cambridge di United Kingdom serta Universiti Tokyo mulai tahun ini. Jelasnya, pembelian kursi di universiti terkenal di luar negara yang dianggarkan berharga kira-kira AS\$10 juta (RM37.1 juta) setiap satu akan memudahkan kemasukan pelajar Melayu ke pusat pengajian berkenaan. "Apabila Mara ada kursi di universiti terkemuka itu, pelajar kita boleh masuk tanpa melalui tapisan ketat seperti dilakukan oleh Singapura," katanya.

Kini, kira-kira 10,000 pelajar tajaan Mara menuntut di universiti seluruh dunia termasuk mereka yang sedang mengikuti kursus automotif, komputer dan teknologi maklumat di Jerman, Perancis, United Kingdom, Jepun dan Korea Selatan.

3 Mac 2009 (Selasa)

Maidam bina hotel RM89j di KT

Oleh WAN RAMLI WAN MUHAMAD utusanrerengganu@utusan.com.my

KUALA TERENGGANU 3 Mac - Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Terengganu (Maidam) akan membangunkan tanah- tanah wakaf miliknya di sekitar bandar raya ini dengan pembinaan hotel atau bangunan komersial. Yang Dipertuanya, Datuk Senara Muda Mazlan Hashim berkata, walaupun keluasan tapak tanah wakaf yang ada kecil namun ia bernilai tinggi dan sesuai untuk hotel dan bukannya projek lain seperti perumahan.

Beliau berkata, menyedari hakikat itu, dalam perkembangan terbaru Maidam dengan kerjasama pemaju swasta dan Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (Jawhar) akan melaksanakan dua projek hotel di Kuala Terengganu yang berharga RM89 juta pertengahan tahun ini. Menurut beliau projek pertama ialah pembinaan hotel, ruang pejabat dan perniagaan berharga RM39 juta bersebelahan Masjid Abidin di sini membabitkan usahasama dengan Jawhar. Katanya, pembinaan hotel itu adalah projek Maidam dan Jawhar yang apabila siap kelak, kedua-dua pihak akan menentukan pihak yang bakal menguruskan hotel berkenaan. "Apabila siap hotel akan menyediakan 155 bilik. Hasilnya untuk Maidam akan disumbangkan kepada Yayasan Wakaf Kebangsaan, "Pembinaan hotel akan dimulakan pertengahan tahun ini dengan peruntukan telah diluluskan oleh Unit Perancangan Ekonomi," katanya kepada *Utusan Malaysia* di pejabatnya di sini hari ini.

Mengenai projek pembinaan sebuah lagi hotel, Mazlan berkata, pihaknya bekerjasama sebuah pemaju yang bercadang membangunkan hotel tujuh tingkat berharga RM50 juta bersebelahan Balai Bomba dan Penyelamat di sini, pertengahan tahun ini. Katanya, pembinaan hotel itu berkonsep usahasama yang mana apabila siap, pemaju menyewa bangunan itu dalam tempoh ditetapkan sebelum diserahkan semula kepada MAIDAM.

Sementara itu, Mazlan berkata, Unit Perancang Ekonomi Negeri Terengganu (UPEN) meluluskan peruntukan RM3 juta bagi melaksanakan tujuh projek pembinaan ruang perniagaan dan perumahan di tanah wakaf di seluruh negeri tahun ini. Katanya, antara projek itu ialah pembinaan lima unit rumah kedai di lot 5730 di Kampung Padang Air, Kuala Nerus (RM500,000), seunit rumah kedai 1 Tingkat di Lot 2713 di Jalan Nibong, Kuala Dungun (RM200,000) dan 14 unit Rumah Teres di Lot 394 di Seberang Baruh, Cabang Tiga, Kuala Terengganu (RM500,000).

3 Mac 2009 (Selasa)

Syarat guna kotak ikan berinsulasi dilonggar



BANTAH... Sebahagian daripada ahli Persatuan Pemborong Ikan Kelantan membuat bantahan terhadap arahan menukar kotak ikan plastik kepada kotak ikan berinsulasi di Pengkalan Kubor, Tumpat, semalam.

KUALA LUMPUR 3 Mac – Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani memberikan kelonggaran kepada pengimport dan pemborong ikan yang tidak dapat mematuhi syarat menggunakan kotak ikan berinsulasi yang telah dikuat kuasa bermula awal bulan ini. Menteri, Datuk Mustapa Mohamed berkata, tiada tindakan undang-undang yang akan dikenakan terhadap mereka jika tidak mematuhi arahan itu kerana kerajaan menyedari terdapat di kalangan pengusaha terbabit yang mengalami masalah kewangan akibat kegawatan ekonomi. “Keputusan yang dibuat kementerian semalam ialah mereka yang masih tidak mematuhi arahan ini hanya akan diberikan nasihat supaya segera berbuat demikian,” katanya.

Beliau menggulung perbincangan usul menjunjung kasih titah ucapan Yang di-Pertuan Agong bagi peringkat kementerianya pada sidang Dewan Rakyat hari ini. Mustapa mengulas celahan Datuk Kamarudin Jaffar (Pas-Tumpat) ketika penggulungan itu mengenai tindakan 300 pemborong ikan dan pemandu lori sekitar Tumpat, Kelantan melancarkan piket hari ini kerana tidak berpuas hati dengan penguatkuasaan penggunaan kotak berinsulasi berkenaan. Selain harga yang terlalu mahal iaitu RM120 sebuah berbanding kotak plastik biasa hanya RM35, mereka juga tidak berpuas hati dengan reka bentuk kotak berinsulasi yang mengehadkan ruang pada lori-lori pengangkut sehingga memaksa pengusaha lebih kerap berulang-alik memungut hasil laut.

Pada 2006, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) pernah mewartakan penggunaan kotak berinsulasi itu, namun terpaksa menangguk beberapa kali berikutan masalah tertentu termasuk rungutan dan bantahan pengimport ikan yang mendakwa terpaksa menanggung kos operasi yang tinggi. Menurut Mustapa, beliau berharap pada jangka masa panjang semua pemborong akan menggunakan kotak berinsulasi bagi memastikan hasil laut yang diangkut sentiasa segar. Dalam perkembangan lain, beliau berkata, kerajaan tidak menyokong cadangan beberapa ahli Parlimen supaya Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) membuka pasar raya besar. “Kita berpendapat usaha seperti ini hanya sesuai diterokai pihak swasta. “FAMA pula hanya akan mengadakan kerjasama dengan pengusaha pasar raya besar sedia ada bagi memastikan mereka turut memasarkan hasil keluaran petani,” katanya.

3 Mac 2009 (Selasa)

Parlimen - Jambatan kedua P. Pinang boleh buat negara muflis

KUALA LUMPUR 3 Mac - Seorang penyokong kerajaan, **Datuk Bung Moktar Radin (BN-Kinabatangan)** menggesa kerajaan membatalkan projek Jambatan Kedua Pulau Pinang yang menelan kos RM4.3 bilion kerana ia boleh menyebabkan negara muflis. Bung Moktar memberitahu, ekonomi dunia kini meleset dan tempiasnya mungkin menyebabkan negara muflis tetapi beliau hairan projek mega berkenaan mahu diteruskan. Sedangkan, tegasnya, peruntukan tersebut boleh digunakan untuk menjalankan projek luar bandar.

"Apakah keperluan jambatan ini dan seharusnya peruntukan pembinaan jambatan itu perlu diagihkan kepada penduduk luar bandar yang miskin. "Rakyat di luar bandar seperti di Kinabatangan, Sabah dan Bintulu, Sarawak meminta jalan hanya berharga RM2 juta hingga RM3 juta sahaja tetapi tidak dapat. "Oleh itu, saya meminta kerajaan menilai semula projek tersebut dan kalau boleh membatalkan sahaja kerana negara tidak perlu projek mega sebaliknya memerlukan projek pembangunan di luar bandar," katanya.

Beliau berkata demikian ketika mengemukakan soalan tambahan kepada Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk S.K. Devamany mengenai projek pembinaan jambatan tersebut yang akan dibuat ketika keadaan negara berhadapan dengan masalah ekonomi pada sidang Dewan Rakyat hari ini.

Devamany memberitahu, walaupun beliau bersetuju dengan cadangan Bung Moktar agar projek itu dibatalkan tetapi menegaskan projek berkenaan dibiayai oleh pihak swasta dan memberi kesan besar kerana ia melibatkan ratusan kontraktor serta ribuan pekerja. Katanya, kerajaan tetap prihatin terhadap rakyat kerana projek ini akan dapat membantu membela rakyat. Menjawab soalan asal **Lim Guan Eng (DAP- Bagan)** beliau berkata, terdapat kelewatan kepada jadual pelaksanaan projek disebabkan syarikat kontraktor tidak dapat memasuki kawasan tapak di Batu Kawan.

"Bagaimanapun kerajaan telah memuktamadkan rundingan kerajaan negeri Pulau Pinang dan lima penternak kerang yang terjejas berhubung dengan bayaran pampasan. "Syarikat Jambatan Kedua Sdn. Bhd. (JKSB) akan membuat bayaran yang berkaitan dan penternak-penternak kerang yang terjejas bolehlah mengosongkan tapak kawasan tersebut bagi membolehkan syarikat kontraktor memasuki kawasan kerja pada awal bulan Mac 2009," katanya.

Devamany bagaimanapun menegaskan, kelewatan kepada jadual kerja tersebut tidak membimbangkan dan dijangka tidak menjejaskan tempoh siap projek jambatan kedua itu dalam pertengahan tahun 2012. Katanya, kos pembinaan bagi projek ini tidak berubah walaupun dengan penurunan harga minyak disebabkan kos kontrak telah dihadkan sebanyak RM4.3 bilion tertakluk kepada perbezaan harga bagi beberapa item tertentu.

3 Mac 2009 (Selasa)

Impak Alam - Memulihara khazanah biodiversiti negara



Fakhrul Hatta Musa bersama seekor harimau belang yang telah diawetkan di Muzium Hidupan Liar, Institut Biodiversiti PERHILITAN Bukit Rengit, Lanchang.

INSTITUT Biodiversiti, Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN), Bukit Rengit, Lanchang, Temerloh adalah institusi pendidikan dan penyelidikan mengenai kepentingan untuk memelihara dan mengekalkan alam sekitar di kawasan hutan simpanan kekal di seluruh negara. Institut Biodiversiti yang ditubuhkan pada 1979 yang bertempat di Taman Negara ini telah menyediakan pelbagai program pendidikan dan mencintai alam sekitar.

Pengarah Institut Biodiversiti, Fakhrul Hatta Musa memberitahu salah satu program yang dijalankan ialah Program Pendidikan Biodiversiti (PPBD) Hutan Simpan Kekal Krau yang mula diperkenalkan pada 2002. Program itu bertujuan meningkatkan kefahaman dan kesedaran masyarakat mengenai konservasi kepelbagaian biologi negara melalui pemupukan sikap kasih sayang dan pembangunan lestari sumber asli dan kepelbagaian biologi negara.

Menurutnya, antara aktiviti-aktiviti PPBD ialah Taklimat *Leave no Trace*, ceramah PERHILITAN, *Ice-Breaking*, lawatan ke bilik Interpretasi, lawatan ke bilik Muzium, Jejak Si Kelawar, *Jungle Trekking*, *Nature Game* dan lawatan ke Pusat Konservasi Gajah Kebangsaan Kuala Gandah. Katanya, program itu dilaksanakan dengan kerjasama Kementerian Pelajaran dan telah dihadiri lebih 10,000 pelajar menerusi 50 sesi program.

"Kita memilih para pelajar sebagai peserta untuk tujuan mendidik mereka supaya mempunyai tanggungjawab dan memelihara alam sekitar. "Berdasarkan penilaian, program ini telah memberi impak yang amat baik kerana berjaya memupuk semangat dan kesedaran untuk mempertahankan alam sekitar daripada dimusnahkan oleh aktiviti segelintir manusia sendiri," kata Fakhrul Hatta. Katanya, adalah tidak mustahil generasi akan datang mengalami penderitaan yang lebih serius akibat kelalaian manusia itu sendiri.

Masyarakat juga kian akur bahawa cara hidup masa kini antara punca kenapa masalah alam sekitar melanda. "Bagaimanapun kemerosotan mutu alam sekitar boleh dipulihkan sekiranya masyarakat bertanggungjawab menangani masalah ini. Kita boleh mengubahnya dengan syarat ada kesedaran, keyakinan, optimis serta ikhlas. "Kita tidak perlu mengubah cara hidup kita serta-merta tetapi kita boleh melakukannya secara beransur-ansur dan melalui pendidikan di

mana masyarakat boleh disedarkan tentang masalah alam dan kaedah-kaedah untuk menanganinya," kata beliau.

Menurut Fakhru Hatta, perubahan positif untuk mengembalikan kualiti alam sekitar giat dijalankan bagi memastikan generasi akan datang juga dapat menikmati hidup dalam kesejahteraan. Katanya, sebahagian besar kejayaan itu adalah hasil pendidikan alam sekitar bukan sahaja membuka mata masyarakat terhadap kemerosotan kualiti alam tetapi turut mendorong mereka menyumbang sesuatu untuk memulihkan semula alam sekitar.

4 Mac 2009 (Rabu)

SMART tidak dapat bantu

Oleh NORILA DAUDkota@utusan.com.my



PEKERJA Pusat Pameran Perabot Antarabangsa di Pusat Dagangan Dunia Putra membersihkan kawasan pameran yang dimasuki air banjir, semalam.

KUALA LUMPUR 4 Mac - Terowong Pengurusan Air Banjir dan Jalan Raya (SMART) tidak dapat membantu mengelak banjir kilat daripada melanda sebahagian kawasan di ibu negara semalam kerana ia hanya mengendalikan kawasan tadahan di sebelah Sungai Klang. Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Wilayah Persekutuan, Hashim Osman berkata, pada masa yang sama, hujan lebat di luar jangkaan semalam telah mengakibatkan limpahan air di Sungai Gombak, Sungai Batu dan Sungai Keroh - yang kesemuanya di luar kendalian SMART.

Limpahan daripada sungai tersebut katanya, menyebabkan banjir di hampir keseluruhan kawasan di lembangan Sungai Gombak termasuk Jinjang, Gombak dan Padang Merbok.

"Pengurusan air Sungai Gombak, Sungai Batu dan Sungai Keroh dikendalikan oleh Projek Kolam Takungan Banjir Batu/Jinjang yang akan beroperasi sepenuhnya pada pertengahan tahun ini," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Hashim mengulas kejadian banjir kilat semalam yang mengakibatkan beribu-ribu warga kota terperangkap dalam bangunan, jalan raya dan stesen-stesen bas dan transit aliran ringan (LRT) sementara ratusan kenderaan turut ditenggelami air. Menurut beliau, empat kolam takungan

yang akan beroperasi pada pertengahan tahun ini itu terletak di Jinjang, Kampung Delima, Nanyang dan Taman Wahyu. Sementara itu, beliau memberitahu, banjir kilat semalam berlaku akibat jumlah curahan hujan sebanyak 70 hingga 80 milimeter (mm) sejam dari pukul 5 petang hingga 7 malam.

Pengarah Pengurusan Projek Kolam Takungan Banjir Batu/Jinjang, Lee Loke Chong pula berkata, banjir kilat semalam akan menjadi lebih dahsyat tanpa bantuan kolam takungan Batu yang telah memulakan operasi sejak tahun lalu. Katanya, pembinaan projek kolam takungan air tersebut telah 95 peratus siap dan dijangka beroperasi sepenuhnya menjelang pertengahan tahun ini. Sementara itu, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dalam kenyataannya memberitahu, tiga langkah penyelesaian jangka panjang telah diambil bagi mengelakkan banjir kilat berlaku pada masa depan.

Menurut kenyataan itu, banjir boleh dielak dengan terbinanya tiga kolam takungan di Segambut Bahagia yang dijangka siap akhir April ini. Kenyataan itu menambah, Projek Lencongan Sungai Gombak dan Kolam Takungan Batu telah siap sementara Projek Lencongan Sungai Keroh dan Kolam Takungan Jinjang dijangka siap Jun ini.

DBKL juga sedang membina tujuh projek tebatan banjir di bawah Program Tebatan Banjir Kuala Lumpur di kawasan yang kerap berlaku banjir. Program tersebut meliputi pembinaan kolam-kolam takungan banjir dan menaik taraf sistem perparitan induk sedia ada dan dijangka siap awal tahun 2010. Projek tebatan banjir itu, ujar kenyataan itu, akan membantu mengurangkan risiko berlaku banjir di kawasan sekitarnya.

4 Mac 2009 (Rabu)

Stesen Agroteknologi UniMAP

SYED RIDZUWAN SYED ISMAIL utusanperlis@utusan.com.my



DR. KAMARUDIN Husin (dua dari kiri) bersama Sabry Ahmad menyiram pokok limau tanpa biji selepas lawatan ke Stesen Percubaan Agroteknologi UniMAP di Sungai Chuchuh, Padang Besar, Perlis, baru-baru ini.

PADANG BESAR 4 Mac. - 'Pertanian adalah perniagaan', merupakan ungkapan hikmat dalam menjadikan pertanian sebagai salah satu bidang yang boleh dijadikan kerjaya pilihan pada masa

kini selain bidang profesional lain. Tanggapan bidang pertanian hanya sesuai untuk golongan tertentu yang tinggal di kampung-kampung atau mereka tidak berpelajaran, tidak lagi sesuai diguna pakai apabila sektor ini semakin berkembang dengan penggunaan teknologi terkini. Penglibatan golongan yang menceburi bidang ini juga membuktikan aktiviti pertanian dapat memberikan pulangan pendapatan lumayan jika ia diusahakan dengan gigih melalui kaedah pertanian yang baik dan bersistematik. Ekoran dari itu bidang ini juga semakin mendapat tempat di kalangan golongan yang mempunyai ijazah atau diploma daripada institusi pengajian tinggi (IPT) kerana mereka semakin menyedari pentingnya kegiatan pertanian moden dalam memenuhi industri makanan tempatan.

Selari dengan perkembangan pertanian moden, pelbagai kajian dan penyelidikan sentiasa dilakukan oleh pelbagai pihak termasuk Jabatan Pertanian, Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dan pelbagai jabatan lain. Menyedari pentingnya penyelidikan dalam bidang ini, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) mengambil inisiatif untuk terlibat sama secara aktif dalam penyelidikan sektor pertanian dengan penubuhan Stesen Percubaan Agroteknologi UniMAP di Sungai Chuchuh, Padang Besar. Dengan kepakaran dalam bidang kejuruteraan, UniMAP cuba menjadikan pusat penyelidikan ini sebagai asas dalam mencetuskan idea-idea dan pendekatan baru bagi meningkatkan peranan kejuruteraan melibatkan pertanian bagi menyokong sektor berkenaan.

Naib Canselor UniMAP, Brig. Jeneral Datuk Prof. **Dr. Kamarudin Hussin** berkata, beliau yakin kepakaran yang ada pada kakitangan UniMAP dalam bidang kejuruteraan dapat memberikan nilai tambah terhadap produk dan kegiatan pertanian melalui cara yang lebih moden. Katanya, dalam mencapai hasrat itu UniMAP akan memberikan penekanan kepada e-perladangan (kejuruteraan perladangan) dalam membantu mewujudkan amalan pertanian yang berkualiti, berdaya saing dan selamat.

"Terdapat tujuh tema strategik yang perlu dalam amalan e-pertanian iaitu penguasaan bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), kejuruteraan, keusahawanan, kecekapan, mesra alam, pengembangan dan memperkasakan pertanian. "Agroteknologi mesra alam menjadi teras konsep e-perladangan yang mengguna pakai biologi dan sains moden bagi membangunkan penemuan-penemuan agroteknologi... Fokus utama stesen kajian ini untuk menjalankan penyelidikan dan pembangunan (R&D) menerusi kejuruteraan biologi," ujarnya.

Menurut Dr. Kamarudin, pembangunan stesen kajian itu akan meliputi keluasan kira-kira 101 hektar menjelang tahun 2010 dan pada masa kini tumpuan utama diberikan dalam pakej pembangunan fasa pertama yang melibatkan keluasan 21 hektar. "Stesen ini akan menjadi wadah pembelajaran dan R&D untuk kita melaksanakan konsep pertanian moden melalui Unit Pembangunan Agroteknologi. "Pada tahun lalu seramai 30 pelajar telah diambil dalam bidang ini dan jumlahnya akan bertambah setiap tahun," jelasnya.

Katanya, UniMAP juga akan menjadikan stesen itu sebagai satu pusat pemegang simpanan pelbagai spesies herba yang banyak terdapat dalam pasaran sekarang. "Kajian berkaitan herba juga tidak menjadi masalah kerana Perlis mempunyai pelbagai herba yang boleh dibuat kajian

dan taman herba tersendiri. "Kajian berkaitan herba ini juga salah satu usaha yang cuba diambil oleh UniMAP dalam membantu petani sekitar negeri ini untuk menggunakan herba yang boleh dikomersialkan," katanya.

4 Mac 2009 (Rabu)

Selenggara semula sungai punca banjir

SEREMBAN 4 Mac - Kerajaan negeri mahu semua sungai yang menjadi punca berlakunya banjir kilat terutamanya di daerah Seremban, diselenggara semula termasuklah mengkaji faktor kedalamannya. Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan berkata, kebanyakan sungai di negeri ini telah tersumbat akibat sampah yang dibuang penduduk dan ia sekali gus menyebabkan berlakunya banjir kilat. Katanya, kejadian tanah runtuh sejak akhir-akhir ini disebabkan banyak pembentung yang dibina, gagal mengalirkan air secara deras berikutan terlalu banyak objek dan sampah tersangkut di pintu masuknya.

"Sebab itulah berlakunya banjir kilat. Penduduk perlu bersama-sama memastikan tiada pembuangan sampah dilakukan ke dalam sungai. "Pada masa yang sama juga kerajaan telah mengarahkan agensi yang berkaitan supaya melihat sungai dan pembentung itu. Jika ia cetek, perlulah didalamkan semula. Jika tebingnya menghampiri rumah penduduk, perlulah diawasi dan dibina tembok keselamatan," jelasnya selepas mesyuarat Exco di sini hari ini.

Mohamad juga menghuraikan langkah kerajaan untuk memulihkan runtuh tanah di Jalan Seremban-Kuala Pilah, Jalan Seremban-Mantin dan Jalan Rembau-Johol yang kini menjadi fokus utama. "Di Jalan Seremban-Kuala Pilah, kerajaan telah melantik kontraktor untuk memulihkan cerun yang runtuh. Kita menjangkakan ia boleh dibuat segera dalam tempoh tiga minggu ini.

"Bagi Jalan Rembau-Johol iaitu di Bukit Miku, keadaannya sukar kerana ia memutuskan terus hubungan dua kawasan berkenaan. "Kita akan melantik konsultan bagi menasihati kerajaan negeri bagaimana memulihkan laluan berkenaan. Sukar untuk kita membina jambatan, begitu juga mengorek bukit untuk laluan baru. Untuk masa terdekat, ia mungkin sukar dipulihkan," jelas beliau. Mohamad memberitahu, Jalan Rembau-Johol itu merupakan jalan dibiayai Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, dan perkembangan itu telah pun dimaklumkan kepada kementerian itu untuk bertindak.

4 Mac 2009 (Rabu)

Projek guna peruntukan tambahan perlu siap

KUCHING, 4 Mac - Projek infrastruktur yang menggunakan peruntukan tambahan RM1 bilion untuk Sarawak perlu disiapkan dalam tempoh dua tahun sehingga tamat Rancangan Malaysia Kesembilan, kata Setiausaha Persekutuan Sarawak, Md. Yahaya Basimin. "Projek yang akan dilaksanakan seharusnya mampu memberi impak positif kepada rakyat," katanya di sini hari ini.

Md. Yahaya, 53, yang sebelum ini Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, dilantik ke jawatannya sekarang pada Disember 15 tahun lepas bagi menggantikan Datuk Ngah Senik, 55, yang bertukar sebagai Setiausaha Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR). Beliau berkata, projek Persekutuan mampu dijalankan dengan lebih lancar mengikut jadual dengan prosedur sedia ada yang boleh dilonggarkan dengan kelulusan daripada agensi tertentu, misalnya bagi memudahkan proses memilih kontraktor. Menerusi RMK-9, Sarawak menerima peruntukan RM12 bilion bagi melaksanakan 3,181 projek.

4 Mac 2009 (Rabu)

LCCT: MAHB kenal pasti tapak baru

SEPANG 4 Mac - Malaysia Airports Holdings Bhd. (MAHB) telah mengenal pasti tapak pembinaan Terminal Penerbangan Tambang Murah (LCCT) yang baru, kata Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Seri Bashir Ahmad. "Tapak pembinaan telahpun dikenal pasti dan kami akan mengumumkannya pada masa yang sesuai," kata Bashir pada satu taklimat media sempena lawatan Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Ong Tee Keat ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini hari ini.

Kerajaan baru-baru ini menolak cadangan AirAsia Bhd. untuk membina lapangan terbang berharga RM1.6 bilion di Labu, Negeri Sembilan. MAHB telah ditugaskan untuk membina LCCT yang baru, terletak berhampiran terminal sedia ada di KLIA di Sepang, dijayakan hasil rundingan dengan AirAsia. "Kami tidak boleh mendedahkan perbincangan itu tetapi ia sedang berjalan," katanya ketika ditanya mengenai perkembangan rundingan dengan AirAsia tentang LCCT baharu. Mengenai kejadian kecurian barang-barang di lapangan terbang, Bashir berkata, MAHB komited untuk mengurangkan dan membanteras gejala itu sepenuhnya.

"Jika dibandingkan lapangan terbang kita dengan banyak lapangan terbang lain di dunia, lapangan terbang kita menunjukkan kadar yang lebih rendah," katanya, sambil menambah MAHB belum gembira terhadap pencapaian itu. Sementara itu, Tee Keat berkata, kementerian berkenaan mengemukakan banyak projek cadangan kepada Kementerian Kewangan untuk dimasukkan dalam bajet mini. Katanya, projek itu meliputi semua sektor utama, dari pengangkutan darat hinggalah maritim serta penerbangan. - Bernama